

Dasar Tun Razak jadi panduan

BH-16/6/2007

Penyusunan semula masyarakat, DEB pastikan pelbagai kaum nikmati kemakmuran

Oleh Abdul Halim Yusoff
dan Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein adalah pemimpin berpandangan jauh untuk melihat negara maju, ekonominya progresif serta rakyat menyumbang kepada ekonomi dan menikmati bersama hasilnya.

Dalam komentarnya yang disiarkan melalui tayangan video pada Seminar Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara semalam, Perdana Menteri berkata, pemikiran dan dasar yang dicetuskan Perdana Menteri kedua itu terus subur sebagai panduan.

Katanya, Tun Razak berjaya melahirkan visinya menyusun semula masyarakat menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Strategi penyusunan semula masyarakat ini bermakna dia (Razak) tak mahu lihat dalam masyarakat pada masa depan bahawa perniagaan untuk orang Cina (saja), mentadbir, politik, menjadi askar dan polis untuk orang Melayu dan orang India pula menjadi profesional dan kerja kuli.

"Sampai ke hari ini apa yang dia nak capai dari segi penyusunan semula masyarakat itu masih menjadi panduan yang diikuti," katanya.

Komentar Perdana Menteri itu di-

siarkan bersama kisah Allahyarham ditayangkan kepada peserta seminar dua hari anjuran bersama Akademi Pemuda Umno dan Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak di Pusat Konvensyen Sime Darby, Bukit Kiara, di sini, semalam.

Seminar dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang juga anak sulung Allahyarham.


Hadir sama, isteri Allahyarham, Tun Rahah Noah; menantunya, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pelajaran merangkap Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Naib Ketua Pemuda Umno merangkap Pengerusi Akademi Pemuda, Khairy Jamaluddin.

Turut hadir, ahli keluarga dan anak Tun Razak, pemimpin veteran Umno dan wakil parti komponen Barisan Nasional (BN) serta pertubuhan bukan kerajaan.

Abdullah berkata, Allahyarham Tun Razak membuktikan kemuliaan dirinya untuk tidak menjadi seorang yang cukup berkuasa untuk memerintah negara lebih lama ketika menjadi Pengarah Operasi Majlis Gerakan Negara (Mageran) ketika Darurat selepas berlaku Peristiwa 13 Mei 1969.

"Dia (Tun Razak) sebenarnya boleh memerintah negara seorang saja sebagai diktator, kalau dia mahu.

"Tetapi dia memilih untuk mentadbir negara dan melaksanakan kemerdekaan melalui satu majlis yang di-



JADI KENANGAN: Tun Rahah bersama Rosmah menatap gambar Tun Razak selepas majlis perasmian Seminar Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara, di Kuala Lumpur, semalam.

namakan Majlis Gerakan Negara yang di dalamnya ada menteri lain, pegawai tinggi kerajaan, wakil polis dan tentera, di samping dua orang yang cukup penting iaitu Tun Siew Sin dan Tun (V T) Sambanthan yang mewakili kaum

Cina dan India," katanya.

Abdullah berkata, Allahyarham menggunakan pendekatan itu kerana memegang kepada prinsip demokrasi berparlimen dan tugas Mageran hanya memulih dan memastikan ke-

amanan negara.

"Dia sebenarnya berjiwa Malaysia kerana mahu melihat dan mengakui negara ini penduduknya orang Melayu, Cina dan India yang mesti dipadukan dan mesti bekerjasama," katanya.